

# PEMERIKSAAN SAKSI



**MAZLAN BIN YAHYA**

**Pengarah**

**Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan**

**Jabatan Perdana Menteri**

MAZLAN YAHYA 2017

# **KANDUNGAN**

**1. JENIS SAKSI**

**2. JENIS SOALAN**

**3. PEMERIKSAAN UTAMA, BALAS DAN SEMULA**

# JENIS SAKSI

- **Saksi yang Kompeten** (*Seksyen 118 Akta Keterangan*)
- **Saksi Gila**
- **Saksi Bisu**
- **Saksi Kanak-kanak**
- **Saksi Isteri Tertuduh**
- **Saksi Saudara Rapat**
- **Saksi Rakan Sejenayah (accomplice)**
- **Agen Provokatur**
- **Saksi Pakar**
- **Saksi Dipanggil Semula**
- **Saksi Belot**

# Saksi Gila

Rujukan kepada s. 118 AK (*Huraian*)

- Seseorang saksi yang sakit otak atau saksi gila boleh memberi keterangan di mahkamah dengan syarat dia faham dengan soalan dan boleh memberikan jawapan yang rasional
- Jika tidak boleh memahami soalan atau mampu menjawab dengan rasional, adalah ditakrifkan sebagai Saksi Gila

# Saksi Bisu

- **S. 119 AK**
  - **Boleh memberikan keterangan di mahkamah dengan cara bertulis atau bahasa isyarat dengan syarat ia mestilah jelas**
  - **Keterangan itu akan dianggap sebagai keterangan lisan**
- *Chai Kor v PP [1965] 2 MLJ 208 FC*

# Saksi Kanak-Kanak

- S. 118 dan 133A AK
- Boleh memberi keterangan di mahkamah dengan syarat dia faham dengan soalan dan boleh memberikan jawapan yang rasional.
  - *Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174 FC*  
(keterangan bersumpah)
  - *Ravamanickam v PP [1966] 1 MLJ 60 FC*  
(keterangan tidak bersumpah)

# Bagaimana untuk memastikan saksi gila atau kanak-kanak kompeten memberi keterangan

**Mahkamah perlu melakukan penilaian dengan pertanyaan:**

- **umur**
- **apa-apa soalan**
- **Sama ada dia faham dengan soalan**
- **Sama ada dia dapat memberikan jawapan yang rasional**
- **samada dia faham dengan sifat dan akibat memberi keterangan bersumpah**

# Saksi Isteri Tertuduh

- S. 120 (2) AK
- Boleh memberi keterangan di mahkamah

*Ghouse b. Hj. Kader Mustan [1946] MLJ 36*

# Saksi Saudara Rapat (*close relative*)

- S. 120 (2) AK
- Boleh memberi keterangan di mahkamah
- Jika terdapat bukti yang saksi ini mempunyai kepentingan terhadap OKT/pengadu, keterangan ini hendaklah disokong dengan keterangan lain

*Liow Siow Long v PP [1970] 1 MLJ 40*

# Saksi Rakan Sejenayah (*Accomplice*)

- S.133 AK
- Boleh memberi keterangan di mahkamah tetapi keterangan ini hendaklah disokong dengan keterangan lain
- Siapakah rakan sejenayah?

***R v Mullins 3 Cox CC 526***

***“An accomplice is a person who has concurred in the commission of an offence.”***

***Davies v DPP [1954] 1 All ER 507 HL***

## SIAPAKAH RAKAN SEJENAYAH

***PP v Mohd Jamil b. Yahya & Anor [1993] 2 AMR 3258 HC***

***“But how does one determine whether a person is an accomplice? As pointed out in Sarkar, p 1280 -***

- ***“The point for determination appears to be whether the witness entered into the conspiracy with the sole subject of detecting and betraying it or whether he is a person who concurred fully in the criminal design of his co-conspirators for a time and joined in the execution of these till out of fear or for some other reason he withdrew from the conspiracy and gave information to the authorities.***
- ***If he extends no aid to the prosecution until after the offence has been committed, he would be an accomplice.***
- ***If he originally joined the conspiracy with the sole object of taking part in the crime, he cannot change his position to that of an informer by subsequently giving information of the crime.”***

# SAKSI AGEN PROVOKATUR

- Boleh memberi keterangan di mahkamah dan keterangan ini tidak perlu disokong dengan keterangan lain
- Siapakah Agen Provokatur?

Pemberi maklumat (*informer*) atau pihak berkuasa yang menyamar untuk mendedahkan atau memerangkap atau menangkap OKT

## **R v Mullins 3 Cox CC 526**

- ***A spy on the other hand, may be an honest man, he may think that the course he pursues is absolutely essential for the protection of his own interests and those of society; and if he does so; if he believes that there is no other method of counter-attacking the dangerous designs of wicked men, I can see no impropriety in his taking upon himself the character of an informer.***
- ***The government are, no doubt, justified in employing spies; and I do not see that a person so employed deserves to be blamed if he instigates offences no further than by pretending to concur with the perpetrators.***
- ***Under such circumstances, they are entirely distinguished in fact and in principle from accomplices, and although their evidence is entirely for the jury to judge of, I am bound to say that they are not such persons as **it is the practice to say require corroboration.*****

# SAKSI PAKAR

- Termasuk Doktor, Ahli Kimia, Pemeriksa Dokumen, Inspektor Timbang dan Sukat, Pakar Senjatapi, Pakar Judi, Pakar Cap Jari atau lain-lain orang yang diwartakan
- s. 45 AK & s. 399 KPJ
- Jika pendakwaan tidak mahu memanggil saksi pakar sebagai saksi, pendakwaan perlu menyerahkan satu salinan laporan kimia atau perubatan kepada OKT ‘sekurang-kurangnya’ 10 hari sebelum tarikh perbicaraan (s. 399 KPJ).
- Jika OKT memberi notis kepada pendakwaan untuk memanggil saksi pakar ‘sekurang-kurangnya’ 3 hari sebelum tarikh perbicaraan, pendakwaan perlu memanggil saksi pakar untuk memberi keterangan (s. 399 (1) (b) KPJ)

■ Apabila memanggil saksi pakar, pendakwaan mesti membuktikan kepakaran saksi pakar itu dengan bertanya :

- Apakah pekerjaan semasa kamu?
- Apakah kelayakan kamu? (ijazah sarjana muda/sarjana/PHD, universiti, tahun)
- Adakah kamu menjadi ahli dalam mana-mana badan profesional?
- Berapa lama kamu berkerja?
- Adakah kamu pernah menjalani apa-apa kursus/latihan mengenai \_\_\_\_\_ semasa bekerja?
- Adakah kamu biasa menjalankan analisis mengenai \_\_\_\_\_?
- Adakah kamu biasa memberi keterangan di mahkamah mengenai analisis \_\_\_\_\_?
- Berapa kali? Mahkamah mana?
- Adakah keterangan kamu diterima oleh mahkamah?

# SAKSI DIPANGGIL SEMULA

## ■ s. 162 KPJ

- Jika pertuduhan dipinda, pendakwaan atau OKT boleh memanggil mana-mana saksi untuk memberi keterangan lanjut
- Budibicara Mahkamah

***Yeow Fook Kuen v R [1965] 2 MLJ 81***

## ■ S. 425 KPJ

- Mahkamah boleh panggil semula saksi memberi keterangan, jika mahkamah berpendapat bahawa keterangan itu boleh membawa kepada keputusan yang adil (*just decision*)
- Budibicara mahkamah

***PP v Phon Nam [1988] 3 MLJ 415***

## ■ S. 138 (4) AK

- Mahkamah boleh membenarkan saksi dipanggil semula samada untuk tujuan pemeriksaan utama, balas atau semula
- Budibicara mahkamah

***Kee Lik Tian v PP [1984] 1 MLJ 306***

*“In my view, although the grant or refusal of applications such as were made was a matter of discretion, it goes without saying that such discretion had to be exercised judicially.”*

# SAKSI BELOT

- **S. 154 AK**
- **Secara umumnya, pendakwaan/OKT tidak boleh menyoal balas saksi sendiri.**
- **Jika saksi memberi keterangan terhadap (*against*) pihak yang memanggilnya (*turn hostile*), soal balas dibenarkan.**

# JENIS SOALAN

- SOALAN TERBUKA (OPEN-ENDED)
- SOALAN MEMIMPIN (LEADING QUESTION)
- SOALAN BERBENTUK CADANGAN
- SOALAN TERTUTUP (CLOSE-ENDED)

# SOALAN TERBUKA

- ialah soalan yang memberi peluang kepada saksi untuk memberi jawapan secara naratif atau secara bercerita di mana subjek keterangan ditentukan oleh pendakwa @ pihak yang mengemukakan soalan.

***Contoh : "Pada jam lebih kurang 3.00 petang, semasa kamu berada di hadapan Kedai Ah Thong, apa yang berlaku?"***

# Soalan Memimpin

## ***Definisi***

- *Di bawah Seksyen 141 Akta Keterangan 1950 :*
  - ***Apa-apa soalan yang menyarankan jawapan yang hendak atau dijangka akan didapati oleh orang yang mengemukakannya ; atau***
  - ***Apa-apa soalan yang menyarankan fakta-fakta pertikaian yang mengenainya saksi itu dipanggil untuk memberikan keterangan***

- ✓ **Kebiasaannya soalan memimpin ini tidak dibenarkan semasa pemeriksaan utama dan semula dibuat.**
- ✓ **Merupakan soalan yang mencadangkan jawapan-jawapan yang akan diberikan, di mana jawapan tersebut biasanya telah diberi dan saksi hanya perlu menjawab “Ya”.**

## **Contoh-contoh Soalan Memimpin**

**Salah :** Adakah kamu berada di wad kanak-kanak pada 26.2.2007?

**Betul :** Di mana kamu berada pada 26.2.2007?

**Salah :** Adakah kamu pergi ke tempat kejadian bersama Intan dan Hafinaz?

**Betul :** Dengan siapa kamu pergi ke tempat kejadian?

**Salah :** Adakah kamu merampas pakaian dan beg itu?

**Betul :** Apakah barang yang kamu rampas?

**Walau bagaimanapun, soalan memimpin ini boleh dipakai di dalam keadaan-keadaan seperti :**

- (i) Pengenalan dan perkara yang tidak dipertikaikan.**
- (ii) Topik atau peristiwa yang baru.**
- (iii) Mendapatkan penafian dari saksi.**
- (iv) Memberikan pilihan kepada saksi untuk menjawabnya.**
- (v) Pengancaman**
- (vi) Dengan kebenaran Mahkamah, terutamanya jika saksi tersebut tidak bekerjasama.**

# Soalan Berbentuk Cadangan

- ✓ Kebiasaannya soalan ini tidak dibenarkan semasa pemeriksaan utama dan semula.
- ✓ Bentuk soalan ini boleh ditanya ketika pemeriksaan balas

## Contoh Berbentuk Cadangan

**Soalan :** Semasa kamu menyerbu OKT, dia dalam keadaan tenang?

**Jawapan :** Tidak

**Soalan :** Pada masa itu OKT ada bercakap sesuatu dengan kamu?

**Jawapan :** Tidak

**Cadangan :** Saya katakan OKT ada protest dengan kamu bahawa dadah itu bukan kepunyaannya tetapi Ali?

**Jawapan :** Tidak

# Soalan Tertutup

- ✓ Ia adalah soalan yang menghadkan jawapan.
- ✓ Amat berguna untuk mendapatkan maklumat terperinci atau khusus mengenai sesuatu fakta yang relevan.
- ✓ Soalan begini biasanya diselangseli selepas saksi memberi keterangan berbentuk naratif.

## Contoh Berbentuk Soalan Tertutup

**Q : Pada 5.5.2000 jam lebih kurang 2.00 pagi, apa yang berlaku?**

**A : Saya sedang memandu kereta untuk balik ke rumah**

**Q : Selepas itu apa yang berlaku?**

**A : Apabila sampai di depan rumah, saya keluar dari kereta untuk membuka pintu pagar. Tiba-tiba datang seorang lelaki India dan terus pukul saya**

**Q : Dia pukul kamu dengan apa?**

**A : Penumbuk**

**Q : Penumbuk mana satu?**

**A : Penumbuk tangan kanan**

**Q : Adakah penumbuk dia terbuka atau tertutup?**

**A : Tertutup**

**Q : Dia tumbuk kamu di mana?**

**A : Muka**

**Q : Di bahagian mana muka kamu?**

**A : Pipi kanan**

**Q : Berapa kali dia tumbuk?**

**A : 3 kali**

**Q : Selepas itu apa yang berlaku?**

**A : Tiba-tiba dia lari dan saya masuk ke dalam rumah**

**Q : Bagaimana dengan keadaan kamu?**

**A : Pipi kanan saya sakit dan mulut saya berdarah**

**Q : Bagaimana dengan keadaan cahaya di luar rumah kamu?**

**A : Ada cahaya lampu jalan dan lampu luar rumah saya serta jiran**

**Q : Terang atau gelap?**

**A : Terang**

**Q : Boleh kamu cam lelaki India itu?**

**A : Adakah dia dalam mahkamah ini?**

# **PEMERIKSAAN UTAMA, BALAS DAN SEMULA**

# UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- **Dari segi keterangan :**

- Bab X Akta Keterangan 1950
- Seksyen 135-166

- **Dari segi prosedur :**

- Bab XIX Kanun Tatacara Jenayah
- Seksyen 173

# PEMERIKSAAN UTAMA

- **PENGENALAN**

- **TUJUAN**

- **PERSEDIAAN**

- **TEKNIK PEMERIKSAAN**

# PEMERIKSAAN UTAMA

## PENGENALAN

- Seksyen 137(1) AK
- Merujuk kepada pemeriksaan seorang saksi oleh pihak yang memanggilnya.

*Contohnya :*

Di peringkat kes pendakwaan di mana pihak pendakwa memanggil saksinya maka pemeriksaan utama terhadap saksi berkenaan akan dijalankan oleh pihak pendakwa.

# PEMERIKSAAN UTAMA

## TUJUAN

- **Membuktikan kes melalui saksi sendiri**
- **Mengemukakan keterangan yang jelas, sukar untuk dilupakan dan meyakinkan**
- **Melindungi keterangan daripada apa-apa bidasan yang dijangka melalui pemeriksaan soal balas.**

# PEMERIKSAAN UTAMA

## PERSEDIAAN

- Mengenal pasti ingredien pertuduhan (*dari keterangan saksi-saksi pendakwaan*)
- Mengenal pasti saksi untuk membuktikan ingredien berkenaan (*merujuk kepada elemen kesalahan*)
- Mengenal pasti susunan panggilan saksi
- Mengenal pasti susunan keterangan daripada saksi
- Pastikan saksi faham peranan masing-masing

# KEPENTINGAN PEMERIKSAAN UTAMA

- Mengetahui dan memahami fakta kes dengan terperinci
- Mengenal barang kes dan dokumen yang diperlukan untuk dikemukakan dan melalui saksi mana
- Kaji dan fahami undang-undang yang berkaitan

# PEMERIKSAAN UTAMA

## TEKNIK PEMERIKSAAN UTAMA

- Wujudkan teori dan strategi kes
- Setiap soalan mesti mempunyai tujuan
- Setiap soalan mesti tahu jawapannya
- Mulakan dengan soalan latarbelakang saksi
- Seterusnya tanya soalan terbuka untuk saksi menceritakan apa yang berlaku dan kemudian menghala kepada soalan sempit dan khusus.

## **TEKNIK PEMERIKSAAN UTAMA ( *Sambungan* )**

- **Tanya soalan yang pendek dan mudah agar saksi tidak keliru**
- **Sentiasa kawal saksi dan perjalanan kes**
- **Bentangkan kes secara teratur (secara kronologi)**
- **Bersedia dengan dokumen untuk memperingatkan semula saksi (s. 159 AK)**
- **Saksi pakar perlu ditanya tentang kelulusan akademik, pengalaman dan latihan**

# TEKNIK PEMERIKSAAN UTAMA ( *Sambungan* )

- Mengemukakan “real evidence”
  - Contoh :-
    - gambar,
    - rajah kasar,
    - senjata atau alat lain
- Pastikan barang kes ditanda dengan betul
- Dengar dan ambil tindakan sewajarnya ke atas jawapan saksi
- Pastikan pemeriksaan adalah ringkas dan meliputi segala perkara yang relevan dan perlu dikemukakan

## **TEKNIK PEMERIKSAAN UTAMA ( *Sambungan* )**

- **Harapan keterangan daripada saksi mestilah realistik**

- **Elak tabiat yang kurang baik**

Contoh :-

- memberi komen/pendapat sendiri,
- mengulang setiap jawapan saksi atau
- membuat apa-apa yang menunjukkan tidak menumpukan perhatian kepada jawapan saksi

- **Sebelum pemeriksaan tutup pastikan segala fakta yang dikehendaki telah diperolehi**

- **Soalan memimpin tidak dibenarkan**

# PEMERIKSAAN BALAS

- **PENGENALAN**
- **PENDEKATAN/OBJEKTIF**
- **PERSEDIAAN/TEKNIK PEMERIKSAAN**

# PENGENALAN

- **SEKSYEN 143, 145-152 Akta Keterangan 1950**
- **TUJUAN DAN KEPENTINGAN PEMERIKSAAN BALAS**
- **AKIBAT KEGAGALAN MEMERIKSA BALAS FAKTA MATERIAL**

# PENDEKATAN / OBJEKTIF

- **“PUT YOUR CASE”- Peraturan Mandatori**
  
- **MEMAJUKAN KES SENDIRI**
  - mendapatkan keterangan menyokong kes sendiri
  - mengembangkan teori kes sendiri
  
- **MELEMAHKAN KES PIHAK LAWAN**
  - menghadkan keterangan
  - wujudkan keraguan terhadap keterangan
  - wujudkan keraguan terhadap saksi

# MEWUJUDKAN KERAGUAN TERHADAP KETERANGAN

- **Menguji tahap persepsi saksi**
- **Menguji memori saksi**

# MEWUJUDKAN KERAGUAN TERHADAP SAKSI

- Kebolehpercayaan saksi boleh dilihat melalui kelakuan saksi sendiri
- Menunjukkan ketidakkonsisten keterangan saksi
- Mencabar kebolehpercayaan saksi (s. 155 AK)

# PEMERIKSAAN BALAS

## - PERSEDIAAN/TEKNIK

- Bagi pendakwa, keterangan saksi pembela dan tertuduh boleh diduga dengan mengkaji pemeriksaan balas saksi pendakwa
- Kaji tujuan pemeriksaan balas dan apa yang boleh dicapai
- Tanya soalan yang pendek – “*one line*”, “*leading*”
- Elak tanya “*multiple question*”
- Jangan tanya soalan tidak tahu jawapannya

# PEMERIKSAAN SEMULA

- **PENGENALAN**
- **KEPERLUAN PEMERIKSAAN**

# PENGENALAN

- Tujuan
- Pemeriksaan mengenai perkara yang timbul dalam pemeriksaan balas sahaja
- Soalan memimpin tidak dibenarkan

# KEPERLUAN PEMERIKSAAN SEMULA

- Apabila hanya separuh daripada perbualan atau peristiwa yang berlaku dikemukakan melalui pemeriksaan balas
- Kelakuan saksi dikritik atau dicabar
- Terdapat ketidakkonsisten keterangan saksi melalui keterangan sendiri atau percakapan sebelum perbicaraan
- Terdapat kekeliruan oleh saksi yang perlu dijelaskan

# PENUTUP

*“The objective of prosecution is not to secure a conviction but to secure justice”*

**Sekian. Terima kasih**